SOALAN NO: 516

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB BUKAN LISAN**
DARIPADA	:	**YB TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING [PENAMPANG]**
TARIKH	:	
SOALAN	:	

YB Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jika Hospital Besar akan dibina di Daerah Penampang.

Tuan Yang di-Pertua,

Daerah Penampang adalah daerah di selatan Kota Kinabalu. Bagi daerah ini, sebuah Klinik Kesihatan Jenis 3 sedang dalam peringkat pembinaan. Klinik ini antara lain bakal menyediakan perkhidmatan Kecemasan, Klinik Pesakit Luar, perkhidmatan Radiologi, perkhidmatan Patologi (makmal), Klinik Kesihatan Ibu dan Anak dan perkhidmatan Kesihatan Pergigian. Klinik Kesihatan Jenis 3 Penampang ini apabila siap kelak akan dapat menampung keperluan perkhidmatan kesihatan di daerah ini selain 3 buah hospital iaitu HQE1, HQE2 dan Hospital Pakar Wanita dan Kanak-kanak Likas.

Penduduk daerah Penampang mendapatkan rawatan kesihatan dari tiga (3) buah hospital utama di Kota Kinabalu iaitu Hospital Queen Elizabeth 1, Hospital Queen Elizabeth 1 dan Hospital Pakar Wanita dan Kanak-Kanak Likas yang menyediakan perkhidmatan berkualiti kepada penduduk Kota Kinabalu khasnya dan Negeri Sabah am nya. Pada ketika ini BOR bagi ketiga-tiga hospital ini adalah di antara 65% hingga 75% dan masih dapat memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada penduduk di Kota Kinabalu serta rujukan dari daerah jiran, Penampang.